

Pusat R&D mampu lonj

Penyelidikan di tapak seluas 8 hektar di Putrajaya tumpu

Oleh Ramlan Mohd Janor

VISI menjadikan Putrajaya sebagai bandar raya bunga seperti yang pernah diumumkan sebelum ini, bukan sekadar terhad dengan kerja menanam bunga berwarna-warni di sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu.

Sebaliknya, seperti dihasratkan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, ialah mahu satu pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) bunga-bunga khas ditubuhkan di Putrajaya.

Sejajar dengan visi itu, perjanjian persefahaman antara tiga pihak sudah ditandatangani sempena sambutan 50 tahun merdeka pada 25 Ogos tahun lalu. Pihak terbabit ialah agensi penyelidikan pertanian menerusi Marditech, syarikat pengeluar biji benih dan anak pokok, Syngenta Seeds BV yang berpangkalan di Belanda dan Brightmark Sdn Bhd, syarikat yang mempelopori bidang bunga-bunga sejak 20 tahun lalu.

Apabila pusat R&D ini siap ditubuhkan nanti, aktiviti yang bakal dilaksanakan akan melonjakkan lagi penyelidikan serta industri bunga-bunga negara.

Selama ini, agensi penyelidikan pertanian seperti Mardi banyak memfokuskan aktiviti penyelidikan terhadap tanaman makanan. Jika ada sekalipun aktiviti penyelidikan dibuat ke atas pokok bunga, ia adalah sangat sedikit dan terhad pula kepada tanaman orkid.



WARNA-WARNI: Pusat R&D yang bakal ditubuhkan di Putrajaya bukan saja menjadik

Pusat R&D yang bakal ditubuhkan di Putrajaya ini bercadang memusatkan penyelidikan ke atas bunga-bunga seperti Marigold, Vinca, Zinnia, Cellosia, Petunia, Impatiens-Balsam dan Sunflower yang sedang melata di Eropah, walaupun ia berasal dari negara tropika dan di tanam di tanah rendah.

Di samping itu, tumpuan juga tidak diabaikan terhadap pokok bunga kebangsaan iaitu hibiscus. Ada juga rancangan supaya pusat R&D ini memusutkan spesies bunga-bunga eksotika Malaysia yang banyak di Sabah dan Sarawak untuk tujuan komersial selain kegunaan tempatan.

Pendekatan yang akan diambil oleh pusat R&D ini nanti adalah secara berperingkat dan berhemah supaya kos pembangunan dapat dikawal. Pada peringkat awal, penyelidikan akan lebih tertumpu kepada usaha mencari fakta dan analisis masalah amalan kultur dalam penanaman pokok bunga di negara ini serta menyediakan kaedah amalan kultur yang lebih standard dan bersesuaian.

Apabila kaedah awalan ini iaitu penambahbaikan budaya menanam dan keadaan menanam mencapai matlamat, barulah kaedah 'biotech transgenic' akan diaktifkan.

Secara keseluruhannya, objektif awalan pusat R&D ini ialah mengembalikan bunga-bunga itu kepada

keserasian iklim tropika tanah rendah seperti Malaysia dengan cara memanjangkan jangka hayat bunganya daripada tempoh empat minggu sekarang kepada dua hingga tiga bulan selain menambah spesies sedia ada kepada yang lebih berwarna-warni dan pelbagai lagi.

Ia akan membabitkan proses pengubahsuaian amalan penanaman dan juga mungkin membabitkan kaedah 'cross pollination' yang bakal memantapkan sifat pokok bunga itu supaya lebih serasi dengan iklim tropika tanah rendah seperti Malaysia.

Selepas satu pokok bunga standard ditemui menerusi proses ini, barulah peringkat pengkomersialan boleh difikirkan menerusi pengeluaran biji benih yang bakal menghasilkan pokok bunga yang lebih serasi kepada iklim tropika tanah rendah seperti Malaysia di seluruh dunia.

Peluang pasaran ke negara iklim tropika tanah rendah seperti Malaysia ialah lebih kurang 30 peratus daripada pasaran dunia. Nilai anggaran industri bunga-bunga dalam bentuk mata wang untuk 30 peratus daripada pasaran dunia ialah AS\$2 bilion pada tahun lalu.

Diyakini Malaysia mampu menjadikannya kuasa utama ekonomi dalam industri bunga-bunga untuk negara dunia yang beriklim tropika nanti.

Seperti kata seorang eksekutif ka-

FAKTA

Pusat R&D bunga-bunga

- Objektif awalan pusat R&D ini ialah mengembalikan bunga-bunga itu kepada keserasian iklim tropika tanah rendah seperti Malaysia dengan cara memanjangkan jangka hayat bunganya.
- R&D memusatkan penyelidikan ke atas bunga-bunga seperti Marigold, Vinca, Zinnia, Cellosia, Petunia, Impatiens-Balsam dan Sunflower serta pokok bunga kebangsaan.
- Peluang pasaran ke negara iklim tropika tanah rendah seperti Malaysia ialah lebih kurang 30 peratus daripada pasaran dunia. Nilai anggaran industri bunga-bunga di pasaran dunia ialah AS\$2 bilion pada tahun lalu.
- Penubuhan pusat R&D bunga-bunga ini dikenal pasti di kawasan seluas lapan hektar di Presint 20 Putrajaya. Ia mempunyai komponen seperti pusat pentadbiran, pusat latihan dan makmal, dewan pameran, pusat pembabit masyarakat setempat dan 'rumah lindungan hujan' ala tropika.

jak industri bunga negara

ubah suai spesies tanaman di Barat dengan iklim tropika



ikan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan sebagai bandar raya bunga, malah mampu menjana industri bunga negara.

nan Syngenta dari Belanda itu, pusat R&D bunga-bunga yang akan dibangunkan di Putrajaya adalah yang pertama seumpamanya di dunia yang menumpukan kepada pokok bunga untuk keserasian iklim tropika.

Pusat R&D bunga-bunga yang lain di dunia hanya memberi tumpuan keserasian bunga-bunga untuk iklim yang lain daripada iklim tropika.

Penubuhan pusat R&D bunga-bunga ini sudah dikenal pasti di kawasan seluas lapan hektar di Presint 20 Putrajaya.

Ia mempunyai komponen seperti pusat pentadbiran, pusat latihan dan makmal, dewan pameran, pusat pembabitan masyarakat setempat dan 'rumah lindungan hujan' ala tropika.

Suatu komponen utama pusat R&D ini ialah ia akan menjadi mesra masyarakat dan mesra pelajar sekolah terhadap bunga-bunga bagi menyemai nilai cintakan bunga-bunga. Pada masa depan, diharapkan usaha ke arah mengindahkan landskap negara dengan bunga-bunga tidak saja dipikul oleh pihak berkuasa tempatan seperti majlis perbandaran, malah lebih utama mendapat pembabitan meluas masyarakat seperti berlaku di negara maju.

Jika kita lihat di negara Barat, usaha menanam pokok bunga banyak membabitkan unit rumah yang

mengambil daya usaha menanam bunga-bunga berwarna-warni seterusnya mencerikan keseluruhan persekitaran.

Kita dapati di negara Barat, walaupun peluang mereka untuk menanam hanya untuk tempoh dua hingga tiga bulan dalam setahun (ketika musim panas), mereka menggunakan sepuh masa kesempatan yang terhad itu.

Di Malaysia setakat ini, rata-rata masyarakat lebih cenderung menanam pokok kategori renek seperti bougainvillea, ixora dan alamanda untuk mendapatkan bunganya. Namun, kita ketahui atas sebab tertentu, terutama pencemaran udara, kita dapati hasrat mendapatkan bunga-bunga dari pokok renek ini tidaklah kesampaian sepenuhnya.

Dalam pada itu, seperti masyarakat Malaysia selama ini tersalah anggap yang bunga-bunga ini adalah milik eksklusif negara Barat, mereka juga sebenarnya tersalah anggap bahawa menanam pokok bunga seperti Marigold, Vinca, Zinnia, Celosia, Petunia, Impaties - Balsam dan Sunflower adalah jauh lebih mahal daripada menanam pokok renek seperti bougainvillea, ixora dan alamanda untuk mendapatkan bunganya.

Salah anggapan ini disebabkan mereka tidak mengambil kira kos menanam awal pokok renek dan kos

penyelenggaraan pokok renek itu dalam usaha untuk mendapatkan bunganya.

Sebenarnya, jika kita ingin mematuhi piawai pertanian dalam menanam dan menyelenggara pokok renek, kita terpaksa membaja dan meracun pokok itu hampir setiap bulan (12 kali setahun). Begitu juga dengan aktiviti penyelenggaraan yang lain.

Kesimpulannya, penubuhan pusat R&D bunga-bunga ini selain bakal mengembalikan bunga-bunga menjadi milik negara iklim tropika tanah rendah seperti Malaysia, ia juga diharapkan dapat mengubah banyak salah tanggapan rakyat Malaysia terhadap penanaman bunga-bunga ini.

Apabila rakyat Malaysia berubah menjadi penanam bunga-bunga di sekeliling kediaman mereka sendiri, maka tanggungjawab pihak berkuasa tempatan dapatlah diringankan.

Dengan itu, barulah kita boleh berbangga bahawa kumpulan yang menjadikan Malaysia benar-benar negara dalam taman adalah masyarakat masa itu sendiri dan bukan pihak berkuasa kerajaan.

Sesungguhnya selepas kita mencapai peringkat itu, maka benarlah pokok bunga-bunga sudah kembali menjadi milik kepunyaan Malaysia dan negara yang seiklim dengannya.

Penulis ialah penyelidik florikultur